

Meningkat Kemahiran Lisan dengan Pendekatan PPNPIPAK

Djohan Abdul Rahman

Djohan_abdul_rahman@moe.edu.sg
Sekolah Menengah Bishan Park

Hezrina Johan Manikam

Hezrina_johan_manikam@moe.edu.sg
Sekolah Menengah Changkat Changi

Abstrak

Tahun 2016 akan menampakkan penukaran format ujian lisan yang bakal dijalankan di sekolah menengah untuk kesemua aliran. Format baharu ini akan berlandaskan klip video. Para pelajar harus menelaah serta mentakrif makna berdasarkan video tersebut lalu menyuarakan pendapat mereka yang kreatif dan kritikal untuk menampakkan kebolehan mereka untuk berfikir dengan matang, serta kemampuan mereka untuk bertutur dengan baik. Namun, memandangkan tahun 2016 merupakan kali yang pertama para pelajar akan menduduki format ujian lisan yang sebegini, terdapat kemungkinan bahawa mereka bakal menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pendapat mereka secara tuntas. Kajian yang dijalankan di dua buah sekolah menengah yang berbeza ini diharapkan dapat memberi sokongan kepada para guru serta pelajar tentang pendekatan yang berstruktur yang boleh diambil untuk membimbing para pelajar supaya mereka dapat menyuarakan pendapat mereka dengan berkesan mengenai klip video yang ditayangkan. Ingin dimaklumkan juga bahawa pendekatan ini juga boleh diguna pakai para guru dan pelajar dari sekolah rendah.

Kata Kunci: format baharu, pendapat kreatif dan kritikal,
menyampaikan pendapat, klip video



PENGENALAN

Dalam usaha untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, pelbagai pembaharuan telah dijalankan yang bertujuan untuk mencapai matlamat tersebut. Apatah lagi, untuk memastikan pembelajaran Bahasa Melayu kekal relevan, inovatif dan interaktif, golongan pendidik perlu mempelbagaikan penggunaan serta pendekatan pedagogi masing-masing.

Perubahan format dalam ujian lisan yang menampakkan penggunaan klip video sebagai sumber bahan baharu merupakan salah satu kaedah yang menjurus kepada usaha untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu. Seajar dengan perubahan format ujian lisan yang sebegitu, golongan pendidik telah mengambil dan mengaplikasikan formula yang sedia ada yang diterap daripada format ujian lisan berdasarkan gambar ke dalam strategi mengajar para pelajar untuk berhadapan dengan soalan-soalan ujian lisan yang menggunakan klip video.

Kajian yang telah dijalankan ini akan meneliti kaedah penggunaan pendekatan P-PNPIPAK yang mampu diguna pakai dalam usaha mencapai pemaujudan pemikiran (*Making Thinking Visible*). Pendekatan ini terbahagi kepada dua bahagian; bahagian pertama menggunakan kaedah piramida (P) yang disongsangkan sementara bahagian pula memberi panduan berstruktur PNPIPAK kepada pelajar ketika menjawab ujian lisan berdasarkan video.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, strategi yang diterapkan ini jelas berjaya menarik minat para pelajar untuk mendalami, memahami dan menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dengan adanya proses pemaujudan pemikiran yang telah dilatih tubi. Menurut Ron Ritchhart dan David Perkins (2008),



“Fostering thinking requires making thinking visible. Thinking happens mostly in our heads, invisible to others and even to ourselves. Effective thinkers make their thinking visible, meaning they externalize their thoughts through speaking, writing, drawing, or some other method. They can then direct and improve those thoughts. Visible Thinking also emphasizes documenting thinking for later reflection.”

(Ritchhart, Ron dan Perkins, David)

Berdasarkan dapatan ini, kajian ini telah menggunakan pendekatan P-PNIPAK bagi memperkasakan penggunaan serta minat para pelajar dalam pelajaran yang bertujuan untuk memupuk kemahiran lisan. Dengan perancangan yang , para guru dapat melaksanakan pendekatan ini. Melalui kaedah ini, para guru dapat menilai kemampuan serta pemahaman pelajar. Guru juga boleh menjadikan kaedah ini sebagai kayu ukur untuk perkembangan dan pelaksanaan kelas-kelas yang mendatang; satu pendekatan formatif.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk:

1. mengetengahkan keberkesanan penerapan kaedah ini ketika menjalankan pengajaran Bahasa Melayu yang menjurus kepada kemahiran lisan;
2. membimbing pelajar dalam proses pemikiran melalui kaedah pemaujudan pemikiran;
3. mencapai matlamat pembelajaran yang diinginkan dengan memberi penekanan pada pendekatan SDL dan COL,
4. memenuhi citarasa pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu,
5. memupuk pemikiran kreatif dan kritikal dan pada masa yang sama menerapkan elemen-elemen SEL; dan
6. memperkasakan dan mempelbagaikan pendekatan berfikir dalam kalangan pelajar.



PERNYATAAN MASALAH

Dengan perubahan format ujian lisan, golongan pendidik diberi kelonggaran dan kebebasan untuk menentukan rancangan pembelajaran yang bakal dijalankan untuk membimbing para pelajar ketika menghadapi ujian lisan. Namun, kebebasan dan kelonggaran itu seringkali membuat sesetengah guru tidak pasti dan tidak yakin akan apa yang perlu disentuh oleh pelajar dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam ujian lisan.

Keterbatasan waktu sering kali menjadi kendala bagi para guru untuk mencuba pakai satu-satu kemahiran yang baharu. Merombak, merancang dan menghasilkan satu pelajaran yang mampu mencapai matlamat pembelajaran dan pada masa yang sama tidak membosankan boleh membebaskan golongan guru. Apatah lagi masa yang diperuntukkan untuk mengasah kemahiran lisan tidak diperuntukkan di dalam buku-buku teks yang sedia ada.

Memandangkan kajian yang menjurus kepada ujian lisan format baharu belum lagi dijalankan, para pengkaji kajian ini bersependapat bahawa dapatan kajian ini mampu membantu golongan guru ketika mereka menjalankan pelajaran yang memberi fokus kepada ujian lisan. Pendekatan ini juga amat berkesan untuk dijadikan penilaian formatif; para guru boleh menilai kemampuan serta pemahaman pelajar, dan maklum balas yang terkumpul kelak boleh dijadikan sebagai kayu ukur bagi kelas-kelas yang berikutnya.

KAJIAN LEPAS

Pemaujudan pemikiran sebenarnya merupakan pengukuhan yang dapat dijadikan sebagai satu rutin pembelajaran yang efektif. Rutin sebegini dapat digunakan berulang kali di dalam kelas supaya kaedah pemaujudan pemikiran ini mampu dijadikan budaya pemikiran para pelajar. Tambahan lagi, rutin sebegini menjelaskan lagi proses pemikiran yang perlu ada dalam diri setiap pelajar. Lama-kelamaan, kelaziman ini dapat membantu para pelajar berfikir dengan lebih teratur dan berstruktur.

Kajian yang dijalankan oleh President dan *Fellow of Harvard College* (2009) telah mendedahkan bahawa pemaujudan pemikiran mampu menjadi



pemangkin peralihan budaya di dalam bilik darjah yang menjurus kepada pembentukan masyarakat yang mampu berfikir secara responsif dan pada masa yang sama mampu berfikir secara kritikal dan kreatif.

Menurut Ron Ritchhart (2011), pemaujudan pemikiran ini amat berkesan dalam usaha untuk memastikan para pelajar dapat menggarap kemahiran serta ilmu yang ingin disampaikan. Pemaujudan pemikiran ini juga berfungsi sebagai maklum balas yang efektif untuk mengukur tahap pemahaman pelajar. Menurutya lagi,

“If we want to support students in learning, and we believe that learning is a product of thinking, then we need to be clear about what it is we are trying to support. ... the kinds of mental activity we are trying to encourage in our students”

(Ron Ritchhart, 2011)

Sehubungan dengan itu, pendekatan P-PNPIPAK yang telah dijalankan ini mampu menepati matlamat pembelajaran yang dikehendaki.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah – Sekolah Menengah Bishan Park dan Sekolah Menengah Changkat Changi. Kajian yang telah dijalankan ini berbentuk eksperimental; kajian ini merupakan hasil tinjauan dan pengamatan kedua-dua guru yang menjalankan kajian ini di sekolah masing-masing. Data dan maklum balas yang terkumpul adalah berdasarkan pemerhatian yang menjurus kepada cara pelajar itu berfikir serta laporan maklum balas yang diberi oleh para pelajar.

Subjek Kajian

Kumpulan pelajar yang terlibat dalam kajian ini berasal daripada kumpulan pelajar-pelajar Menengah 5NA (Sekolah Menengah Bishan Park) dan para pelajar Menengah 4E (Sekolah Menengah Changkat Changi). Mereka terdiri daripada para pelajar yang memiliki tahap kemahiran yang pelbagai.



Instrumen Kajian

Para pelajar mempunyai pengetahuan asas tentang ujian lisan memandangkan mereka pernah menduduki ujian lisan sebelum ini. Dalam kajian ini, para pelajar telah diberikan nota yang terperinci mengenai pendekatan yang menggunakan pemajuan pemikiran. Para pelajar juga akan didedahkan tentang struktur yang bakal diguna pakai dalam pelaksanaan pendekatan ini.

Prosedur Kajian (Sekolah Menengah Changkat Changi)

Guru telah memberikan taklimat ringkas serta menjelaskan rasional di sebalik penerapan kaedah ini. Guru memastikan setiap pelajar memahami kelima-lima langkah yang perlu diambil demi mempertingkatkan lagi keupayaan serta kemahiran para pelajar ketika membaca teks yang diberikan.

Guru telah mengadakan sesi penilaian bersama para pelajar apabila setiap pelajar menghantar tugas mereka. Pada setiap sesi penilaian, guru mempunyai pilihan untuk memberikan ganjaran kepada mereka yang berjaya menggunakan panduan berstruktur yang diajarkan serta mampu membaca dengan lancar di samping menggunakan intonasi yang pelbagai. Pengiktirafan sebegini boleh bertindak sebagai pemangkin kepada mereka yang tidak berjaya untuk meningkatkan prestasi serta cara pemikiran mereka pada masa mendatang.

Pada penghujung kajian ini, guru akan meminta semua pelajar mengisi borang maklum balas untuk menilai beberapa perkara, antaranya adalah sama ada:

1. pendekatan ini memberi manfaat kepada mereka,
2. kemahiran yang telah mereka pelajari/terapkan semasa melakukan aktiviti ini membantu proses mereka berfikir,
3. mereka berasa teruja ketika melakukan aktiviti yang diarahkan (atau sebaliknya); dan
4. pendekatan ini dapat diperbaiki pada masa mendatang.

Borang maklum balas yang diedarkan ini serupa dengan borang yang digunakan di Sekolah Menengah Bishan Park.



Prosedur Kajian (Sekolah Menengah Bishan Park)

Guru telah memberikan taklimat ringkas serta menjelaskan peraturan mengenai apa yang dikehendaki dalam aktiviti ini. Para pelajar digalakkan berfikir secara kritikal dan kreatif untuk menyuarakan pandangan yang padat, bernas dan menampakkan kematangan pemikiran. Guru juga memberi rasional dalam mengaplikasikan rutin pemikiran yang berteraskan pemaujudan pemikiran. Para pelajar perlu menyelesaikan tugas yang diberi (terdapat pelbagai jenis) dalam tempoh jangka masa yang diberikan. Hasil kerja para pelajar akan dinilai dan dianalisis bersama para pelajar yang lain pada kelas yang berikutnya. Pada waktu itu, guru akan menilai dan meminta maklum balas daripada para pelajar. Tindakan guru yang sebegini akan mengukuhkan keyakinan pelajar yang sekali gus akan merangsang perkembangan kognitif kesemua pelajar yang terlibat.

Pada penghujung kajian ini, guru akan mengedarkan borang maklum balas kepada semua pelajar yang terlibat. Borang maklum balas yang diedarkan ini serupa dengan borang yang digunakan di Sekolah Menengah Changkat Changi.

Pengumpulan Data


Pada akhir kajian, penilaian akan dijalankan berlandaskan rubrik yang telah disediakan. Hasil terbitan video diberi oleh para pelajar akan digunakan untuk dijadikan topik perbincangan serta pembelajaran lanjutan yang bersangkutan dengan Bahasa Melayu. Secara ringkasnya, guru dapat menggunakan strategi yang tertera di bawah ini ketika menjalankan aktiviti. Namun, rombakan pendekatan serta penyesuaian semula boleh dilakukan untuk menepati matlamat dan kebolehan para pelajar.

Penganalisan Data

Kajian yang dijalankan P-PNPIPAK telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menjurus kepada melatih pemikiran pelajar dengan menggunakan piramid (P) yang telah disongsangkan. Strategi ini memberi panduan kepada para pelajar untuk memajukan pemikiran mereka supaya



mereka tahu bahagian-bahagian penting yang perlu diberi perhatian apabila membaca sesebuah teks. Piramid yang dimaksudkan dapat dilihat dalam Rajah 1 yang berikut:



Bahagian (P) akan membimbing para pelajar untuk mengikuti langkah-langkah berdasarkan Rajah 1. Para pelajar diminta membaca keseluruhan teks, kemudian mencari ayat-ayat sukar dalam teks berkenaan. Ayat sukar merupakan ayat-ayat panjang yang tidak mempunyai tanda koma dalam ayat itu. Tanpa bimbingan, pelajar-pelajar berkemungkinan tidak tahu di mana mereka perlu jeda dan mengambil nafas untuk meneruskan bacaan mereka. Ketidaktahuan ini mungkin akan menjejaskan kelancaran bacaan mereka sekali gus menjejaskan penilaian pembacaan secara keseluruhan. Dengan mengenal pasti kata hubung-kata hubung yang terletak di lokasi yang strategik, para pelajar akan dibimbing dan mereka mampu memajukan pemikiran mereka melalui teknik ini.

Begitu juga halnya pada bahagian 'frasa' dan 'kata'. Para pelajar diminta menyerlahkan frasa-frasa dan kata-kata yang menyukarkan di minda mereka supaya apabila mereka membaca bahagian itu, mereka akan lebih berhati-hati. Frasa-frasa sukar merupakan frasa yang mempunyai sifat aliterasi atau asonansi; yang bakal menghambat artikulasi pelajar. Manakala perkataan-perkataan yang sukar pula seringkali merupakan kata dasar yang telah melalui pengimbuhan kompleks. Apabila para pelajar telah berjaya menyerlahkan bahagian-bahagian ini di minda mereka, maka pemajuan pemikiran telah berlaku dan mereka akan membaca semula teks berkenaan dengan maklumat baru yang diperolehi untuk memastikan kelancaran ketika membaca.



Bahagian kedua pula PNPIPAK menampakkan strategi yang memberi panduan bagaimana pelajar dapat menyusun pemikiran mereka dengan rutin yang berstruktur. Para pelajar diminta untuk membahagikan perbualan mereka kepada tiga bahagian PIP – Pendahuluan, Isi dan Penutup. Rata-ratanya, berdasarkan klip video yang ditayangkan, bahagian Pendahuluan dan Isi akan menampakkan hal-hal yang serupa yang diutarakan oleh para pelajar. Maka, untuk memberi kelainan serta menyampaikan hujah-hujah yang bernas dan matang isinya, bahagian Penutup perbualan itu sebaiknya mempunyai elemen yang kuat. Maka, PNPIPAK ini menjurus pada bahagian penutup.

PNPIPAK sebenarnya merupakan 6 bahagian yang dijadikan panduan bagi para pelajar. PNPIPAK sebenarnya ialah:

1. Penutup – Ayat yang merangkumi keseluruhan klip video (menyentuh aspek tersirat)
2. Nilai – Nilai yang dapat dikesan di dalam klip video
3. Perhubungan nilai dengan Inferens – (contoh hal ehwal semasa)
4. Inferens – Huraian mengenai contoh yang diberi
5. Pengukuhan – Penggunaan ayat yang mengaitkan inferens dengan klip video
6. Andai Kata – Pembaca diletakkan dalam situasi yang serupa

Dengan adanya struktur panduan sebegini, para pelajar mampu berfikir dengan cara yang tersusun dan mereka dapat menghasilkan perbualan yang menampakkan kematangan pemikiran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Beberapa dapatan penting yang telah diperolehi dan dianalisis setelah kajian ini berjaya dilaksanakan. Berdasarkan dapatan, guru mendapati bahawa:



1. Para pelajar telah memberi maklum balas yang positif dan cukup memberangsangkan melalui borang maklum balas yang terkumpul. Mereka melihat pendekatan ini sebagai satu kaedah pembelajaran alternatif yang menarik dan berkesan. Setiap pelajar berasa terangsang dan teruja serta mereka mahu menghasilkan yang terbaik untuk mengatasi kemampuan rakan-rakan yang lain.
2. Pelajar-pelajar telah didedahkan dengan penggunaan bahasa yang baik – khususnya laras bahasa rasmi. Perkataan-perkataan dan frasa-frasa seperti “pada hemat saya”, “secara syumul” dan “menjana” (misalnya) kini menjadi lebih jelas penggunaannya, lebih-lebih lagi ketika menjawab soalan-soalan dalam ujian lisan. Penggunaan bahasa yang tepat dan tidak melanggar nahu juga mampu diterapkan. Misalnya, para pelajar lebih memahami perbezaan fungsi ketika menggunakan kata pemerih ‘ialah’ dan ‘adalah’.
3. Para pelajar juga memahami kepentingan menerap pendekatan pemaujudan pemikiran kerana strategi itu dapat membantu mereka berfikir dengan lebih teratur dan berstruktur.
4. Biarpun tugas yang diberi berlandaskan pendekatan yang berasaskan SDL, apabila para pelajar menghadapi kesukaran, mereka berasa selesa untuk menghulurkan bantuan sesama sendiri, lebih-lebih lagi kepada mereka yang memerlukan pertolongan. Keterbukaan serta kecenderungan untuk saling bantu-membantu ini secara tidak langsung telah berjaya menyemai aspek-aspek SEL.
5. Para pelajar telah dipertingkatkan tahap keyakinan diri ketika dalam sesi ujian lisan kecil yang dijalankan di dalam kelas. Para pelajar juga kini lebih yakin akan kemampuan diri sendiri dan mampu menilai hasil kerja para pelajar yang lain.
6. Rata-ratanya, keputusan yang diraih pelajar menampakkan anjakan nilai di antara 30% sehingga 40% daripada markah asal mereka sebelum kajian ini dijalankan (sila lihat Rajah 2)



Rajah 2: Keputusan Dua Buah Sekolah



Sekolah Menengah Changkat melakukan kajian yang khusus pada pengajaran kemahiran membaca dengan penerapan pendekatan Pemaujudan Pemikiran. Markah penuh ialah 10. Sekolah Menengah Bishan Park melakukan kajian pada pengajaran kemahiran menyuarakan pandangan berdasarkan video dengan penerapan pendekatan Pemaujudan Pemikiran. Markah penuh ialah 40. Rajah 2 menampakkan peningkatan nilai markah sesudah pendekatan ini dijalankan.

KESIMPULAN

Reaksi daripada para pelajar telah membuktikan bahawa dengan adanya pemikiran yang teratur dan panduan yang berstruktur, kemahiran berbicara dapat dipertingkatkan. Setelah dianalisis, kesemua pelajar yang terlibat bersependapat bahawa mereka telah memperoleh manfaat melalui pendekatan yang dijalankan.

Pada masa yang sama, guru sekadar bertindak selaku pemudah cara dan pemantau di dalam kelas. Hal ini dapat benar-benar memupuk sikap berdikari serta menyemai cara pemikiran yang lebih kritis dalam kalangan pelajar. Peluang untuk bekerja secara kolaboratif juga ada dan peluang itu telah digunakan dengan sebaik mungkin. Akhir kata, pendekatan ini juga mampu membentuk jati diri yang lebih menyerlah di samping menaikkan taraf keyakinan diri yang sedia ada dalam diri setiap pelajar.



RUJUKAN

Corder, Nicholas. (2008). *Learning to Teach Adults: An Introduction*. London dan New York: Routledge.

Hewitt, Des. (2008). *Understanding Effective Learning*. Berkshire: Open University Press.

Laster, Madlon. (2009). *Teach the Way the Brain Learns*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Education.

Ritchhart, Ron, Church, Mark, dan Morrison, Karin. (2011). *Making Thinking Visible*. Australia: John Wiley & Sons.

http://admin.kasa.org/Professional_Development/documents/ThinkingClassroomResourceGuide.pdf - dirujuk terakhir pada 20 Januari 2016.

<http://garden.socrative.com/?cat=5> - dirujuk terakhir pada 4 Januari 2016.

https://www.engageny.org/sites/default/files/resource/attachments/anchor_charts.pdf - dirujuk terakhir pada 4 Januari 2016.

http://www.visiblethinkingpz.org/VisibleThinking_html_files/06_AdditionalResources/makingthinkingvisibleEL.pdf - dirujuk terakhir pada 4 Januari 2016.

